

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Universiti Malaya juara MIROc 2014	Kosmo
2	Perlu hujan berterusan	Sinar Harian
3	MAS has done much good for country	New Straits Times
4	Petir ancam nyawa, harta	Utusan Malaysia
5	Bucu bumbung sasaran petir	Utusan Malaysia
6	Penggunaan ESE gagal	Utusan Malaysia
7	Belum terima maklumat bocor jadual	Utusan Malaysia
8	'Do not leak national secrets'	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Universiti Malaya juara MIROc 2014

ARAU - Universiti Malaya (UM) muncul juara keseluruhan pertandingan Malaysia International Robot Competition (MIROc) 2014 yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Pauh Putra di sini semalam.

UM muncul juara bagi kategori *Fire Fighting Robot* dan naib juara *Rope Climbing Robot*.

Ketua kumpulan yang mewakili 21 orang pelajar UM pada pertandingan itu, Chong Feng Rui, 24, berkata, dia tidak menyangka mereka boleh memenangnya kerana persediaan yang dilakukan hanya mengambil masa kurang setahun.

"Pesaing untuk pertandingan ini bukan calang-calang kerana perlu bersaing dengan 17 universiti tempatan lain dari seluruh negara yang melibatkan 48 pasukan.

"Kemenangan ini telah me-



PELAJAR Fakulti Kejuruteraan UM muncul pemenang keseluruhan pertandingan MIROc 2014 yang berlangsung di UniMAP, Arau, Perlis semalam.

nyuntik semangat kami untuk memenangi pertandingan robot bagi peringkat antarabangsa nanti,"

kata Feng Rui.

Kesemua pelajar UM itu adalah pelajar Ijazah Reka Bentuk dan

Pembuatan dan Ijazah Kejuruteraan Elektrikal mereka membawa pulang wang tunai RM3,500 bagi dua kategori yang dimenangi serta sebuah piala pusingan selaku juara keseluruhan.

Hadiah berkenaan disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Mohd. Azhar Yahaya. Turut hadir Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Kamarudin Hussin.

Sebanyak 26 institusi teknikal dan kemahiran mengambil bahagian dalam pertandingan kali ini termasuk 27 buah sekolah dengan 41 penyertaan dari seluruh negara.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 20
TARIKH : 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Perlu hujan berterusan

Syarat untuk empangan capai paras 55 peratus sebagaimana ditetapkan

■ AHMAD NORMAN ABU TALIB

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menganggarkan sekiranya hujan berterusan hingga pertengahan Mei depan maka empangan dapat mencapai kadar lebih 55 peratus ditetapkan.

Pengarah JMM, Datuk Che Gayah Ismail berkata, bagaimanapun, ia tertakuk sama ada hujan berlaku di kawasan empangan yang terbabit.

Che Gayah berkata, sekiranya hujan pada sebelah petang yang berlaku sekarang ia dipercayai dapat mencapai kadar tersebut.

Beliau berkata, hujan lebat pada setiap petang serta ribut petir adalah kerana musim peralihan monsun yang lazimnya berlaku setiap tahun.

Menurutnya, ia bermula pada penghujung

bulan lalu dan dijangka berterusan hingga pertengahan Mei depan sebelum Monsun Barat Daya bermula iaitu musim kering.

"Kalau hujan berterusan berkemungkinan tidak jadi masalah tetapi ia perlu berlaku di kawasan empangan.

"Sekarang ini musim peralihan monsun iaitu hujan sampai pertengahan Mei," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sama ada musim hujan yang berlaku sekarang mampu membantu memenuhi empangan termasuk beberapa empangan antaranya Klang Gates, Sungai Selangor dan Langat yang kini mencatat bacaan di bawah paras 55 peratus.

Che Gayah berkata, sekiranya proses

pembenihan diperlukan maka ia akan dilaksanakan.

Bagaimanapun, ia bergantung daripada permintaan dikemukakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

Menurutnya, setakat ini proses pembenihan awan masih dijalankan seperti biasa bermula hujung Mac lalu.

Katanya, ia bergantung kepada kesesuaian awan yang ada kerana tujuan pembenihan adalah mempercepatkan proses hujan.

"Kita masih teruskan proses pembenihan awan yang dimulakan Mac lalu dan kita hanya tunggu permintaan daripada Luas untuk meneruskan proses tersebut.

"Proses tersebut dilakukan kepada awan menara kumululus yang berbentuk kobis," katanya.

TASIK SUBANG



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
TASIK SUBANG	11 April	85.85	6.00
	12 April	85.85	-
	13 April	85.85	6.00

KLANG GATES



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
KLANG GATES	11 April	53.96	5.90
	12 April	53.96	5.90
	13 April	53.96	5.90

BATU



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
BATU	11 April	77.96	0.00
	12 April	77.84	-
	13 April	77.66	0.00

SUNGAI TINGGI



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
SUNGAI TINGGI	11 April	61.29	0.00
	12 April	61.08	0.00
	13 April	61.08	0.00

SEMENYIH



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
SEMENYIH	11 April	71.74	3.10
	12 April	71.74	-
	13 April	71.95	0.00

LANGAT



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
LANGAT	11 April	50.49	1.00
	12 April	50.49	1.00
	13 April	50.49	1.00

SG SELANGOR



EMPANGAN	Tarikh (2014)	Takungan (%)	Hujan (mm)
SG SELANGOR	11 April	37.59	0.59
	12 April	37.66	5.35
	13 April	37.66	5.35

MAS has done much good for country

A NATIONAL BRAND: Airline should not be judged on the basis of profitability alone

MALAYSIA Airlines (MAS) has been under a lot of pressure lately. First, its recent business performance became the subject of much media scrutiny. The company's struggle to return to profitability has yet to materialise. It has been in the red for a few years now. This is despite all efforts to cut costs and expand revenue through route rationalisation and various other initiatives.

Then came the unexplained disappearance of MH370 on its routine journey to Beijing. The Malay adage "Sudah jatuh ditimpa tangga" would very much describe the situation MAS is in right now. MAS shares took a beating as well.

Though described by many as the most unprecedented event in

global aviation industry, there are still those who continue to question the way the situation has been handled.

To me, unprecedented means we are dealing with many unknowns never before experienced by the aviation business anywhere in the world. The issue is truly complicated.

It is easy to criticise. It is more difficult to offer alternatives. As expected, all kinds of theories have been proposed to explain the disappearance. Suddenly we see many experts coming forward to share their take on the incident. The blame game also continues to flourish.

On the other hand, there are also

many who sympathise with the difficulties faced dealing with communicating the latest developments on the search and recovery mission. As they always say, it is easy to find fault.

Whatever it is, there is no denying that the incident will in some ways dent the excellent brand image of MAS. For years, despite the burden of business losses the airline had to bear, the brand image of MAS has always been above par.

Countless surveys done by independent marketing companies have consistently shown the positive brand image of MAS as a safe, dependable and trustworthy company. Most travellers, be they for business or leisure, would always look forward to the excellent service that MAS offers its passengers.

There is no negative talk about the MAS crew, for example. Instead, many offer praise on the

pleasant way they are being treated as guests of the airline.

For us Malaysians, MAS has always been the preferred way to travel. Not just because MAS is our national carrier which we should all be proud of, but because MAS compares most preferably to the other airlines in terms of service reliability and the friendliness of its crew.

On a personal basis, I have travelled with most of the world's airlines in my former capacity promoting palm oil to the world. I would categorically maintain that MAS stands ahead of all the others. I can vouch the same sentiments from many of my foreign friends. They all speak highly of MAS.

Should MAS be assessed only on its bottomline? To me MAS should not be judged on its profitability alone. It is, of course, good to have a national airline which is also in the black as far as the bottomline goes. But a national airline should be judged more on its overall contribution to the nation's economy.

Take tourism for example. If we begin to measure the contribution of MAS to the country's tourism coffers, we will appreciate more the role that MAS plays. Not to mention the role of MAS in the actual promotion of tourism to the world.

We should also look at the contribution of MAS cargo operations, especially how they have helped support our exports of fresh produce to overseas markets in the European Union, Japan and the United States.

Yes, MAS has been on a losing streak for a number of years now. We must be reminded that this is not just unique to MAS. For the record, this is also true for most other national airlines.

It is time we assess the big picture on how MAS has and will continue to contribute to the country's overall economic agenda. This would be a more constructive way to assess MAS. The truth is there is more to lose without an effective national airline like MAS.



Dr Ahmad Ibrahim
Fellow, Academy
of Sciences
Malaysia

➤ MegaFokus



Petir ancam nyawa, harta

Penyelidikan bantu selamatkan harta benda daripada panahan kilat



HARTONO Zainal Abidin menunjukkan struktur pelindung kilat di ibu pejabat Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

HARTONO
ZAINAL ABIDIN

Oleh LAUPA JUNUS

CERITA manusia disambar petir ketika berada di kawasan Jepang, atau sedang memancing bukan perkara baharu dan memeranjatkan. Mangsa biasanya mati di tempat kejadian

Baru-baru ini lain pula ceritanya apabila empat mangsa terkorban apabila sebuah pesawat ringan terhempas lalu terbakar di sebuah pantai di timur Indonesia, selepas dipanah petir.

Pesawat dua enjin, Piper Seneca itu, sedang dalam perjalanan dari timur wilayah Papua ke bandar Tual di Kepulauan Maluku apabila ia terperangkap dalam ribut pada waktu tengah hari.

Di negara kita pada Januari lalu, dalam satu kejadian di Alor Gajah Melaka pula, sebanyak 22 ekor lembu ditemui mati bergelimpangan dalam kandang akibat disambar petir membabitkan kerugian RM45,000.

Isu pokok yang ingin dibincangkan ialah bukan cerita mengenai kerugian tetapi bagaimana petir menjadikan objek yang bukan kecil sebagai mangsa. Manusia, haiwan dan objek yang sedang terbang ketiga-tiganya menjadi mangsa.

Berbeza dengan ketiga-tiga mangsa tersebut, objek atau struktur yang perlu diberi perhatian ialah bangunan yang

kekal pada satu-satu kedudukan tidak bergerak yang sering menjadi sasaran panahan petir.

Seorang pengkaji petir tempatan, Hartono Zainal Abidin berkata, petir atau kilat adalah fenomena nyahcas elektrik (*electrical discharge*) berarus tinggi yang berlaku antara awan dengan awan atau di antara awan dengan bumi.

Katanya, laluan kilat berukuran antara beberapa kilometer (kilat awan ke bumi) hingga beratus kilometer (kilat awan ke awan).

"Kilat terdiri daripada cas positif atau cas negatif, yang mana setiap kilat, awan ke bumi terdiri daripada satu hingga dua dozen lejang (*strokes*).

"Kilat boleh menyambar sejauh 20 kilometer (km) dari awan yang mengakibatkan fenomena bernama kilat langit biru atau *bolt-from-the-blue*" ujarnya.

Beliau berkata, sekiranya seseorang yang berdiri di tengah padang, individu terbabit adalah sasaran yang berisiko tinggi untuk disambar kilat. Sekiranya ada kilat di kawasan berdekatan, individu terbabit mungkin akan memintas lejang kilat dan menjadi mangsa penahan kilat.

"Dalam keadaan seperti ini, seseorang mesti mencari tempat perlindungan yang besar dan kukuh apabila mendengar guruh atau melihat awan hitam yang berdekatan," ujarnya.

Bagaimanapun insiden manusia disambar kilat atau petir sering menjadi isu tetapi menurut Hartono, semenjak memulakan kajian pada tahun 1985, beliau telah mengumpul beberapa insiden yang membahayakan penghuni dalam bangunan.

Oleh itu, beliau banyak memerhati insiden berkaitan kilat dan menjalankan penyelidikan berkaitan serangga kilat ke

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Bucu bumbung sasaran petir

SISTEM perlindungan kilat yang betul adalah sistem yang mematuhi piawaian MS-IEC62305 dengan sepenuhnya daripada segi reka bentuk dan bahan.

Menurut Hartono Zainal Abidin, reka bentuk sistem ditentukan oleh reka bentuk bangunan yang hendak dilindungi.

"Kajian yang telah saya

jalankan di Malaysia pada tahun 1990-an mendedahkan bahawa lebih daripada 90 peratus kerosakan bangunan akibat diserang kilat berlaku pada bahagian bucu bumbung.

"Untuk melindungi bangunan daripada dipanah kilat, saya telah mencadangkan bahawa rod kilat mesti ditempatkan pada bucu bangunan yang berisiko tinggi," katanya.

Penemuan beliau telah disahkan oleh pakar kilat di Australia pada tahun 2002 dan dimasukkan

kedalam piawaian perlindungan kilat Australia (AS1768) pada tahun 2003 sebagai kaedah penempatan rod kilat terkini.

Penemuan

ini juga telah dipilih oleh pakar kilat daripada Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) sebagai kaedah penempatan rod kilat terkini dalam piawaian IEC62305 pada tahun 2006.

Sirim telah menerima piawaian ini sebagai piawaian Malaysia MS-IEC62305 pada tahun 2007.

Ketinggian minimum bangunan yang terkena serangan kilat adalah lebih kurang tiga atau empat meter.

Beberapa insiden kilat yang mengakibatkan kecederaan dan kematian telah dilaporkan dalam akhbar tempatan yang melibatkan bangunan rendah atau kecil seperti pondok, kongsi dan gazebo.

Mengenai bangunan yang tidak bersegi, Hartono menjelaskan, ancaman kilat juga berlaku.

Bagaimanapun berdasarkan reka bentuk sistem perlindungan kilat untuk bangunan yang tidak bersegi adalah lebih sukar dan mahal memandangkan keseluruhan bumbung bangunan boleh memintas lejang kilat.

Menurutnya, lebih banyak rod kilat

mesti dipasang di kawasan bumbung supaya kebarangkalian memintas lejang kilat lebih tinggi.

Contohnya, sebuah bangunan di Jalan Tun Ismail dan bangunan di Jalan Bukit Pantai telah di sambar kilat beberapa kali di bahagian bumbung yang berbentuk bulat. Kedua-dua bangunan ini telah dipasang dengan rod kilat ESE.

"Kajian diteruskan dan pada 2010, saya telah menyertai kumpulan kerja CIGRE C4.410 "Lightning Striking Characteristics to Very High Structures".

"Sebagai peserta dari negara Asean dan negara yang mempunyai kepadatan kilat yang amat tinggi, saya menyalurkan kajian untuk mengenal pasti lokasi bahagian menegak di bangunan tinggi yang mempunyai risiko tinggi memintas lejang kilat dan cara-cara untuk melindunginya.

"Kajian ini boleh membantu dalam penggubalan piawaian sistem perlindungan kilat untuk bangunan yang amat tinggi yang semakin dibina di merata dunia.



atas bangunan yang boleh disifatkan sebagai perlu diberi perhatian. Malah, katanya, insiden yang melibatkan bangunan besar pun pernah dilaporkan.

"Malah pada tahun 1990, sebuah dewan latihan tentera di negara ini telah disambar kilat yang mengakibatkan kematian seorang askar dan mencederakan berpuhul yang lain," ujarnya.

Sehubungan itu kata beliau, sesiapa yang mengatakan bahawa "tidak ada insiden kilat menyambar bangunan hingga membahayakan penghuni" telah membuat satu kesilapan yang besar.

Ini kerana kata Hartono, individu terbabit mungkin baru saja membuat kajian dalam bidang tersebut dan dia mungkin belum terserempak dengan insiden yang mencederakan atau mengorbankan penghuni bangunan.

Menurut Hartono, sebagai perbandingan kekuatan kilat adalah di antara 2,000A (ampere) hingga 250,000A berbanding cerek elektrik yang diguna di rumah biasanya menggunakan sebanyak 10A sahaja.

Berdasarkan kajiannya, ancaman kilat terhadap bangunan adalah amat serius. memandangkan negara ini terletak dalam kawasan kepadatan kilat yang amat tinggi (*very high lightning flash density zone*).

Menurut beliau, tahap kerosakan yang dialami oleh bangunan bergantung pada kekuatan kilat yang dipintas dan bahan binaan pada bahagian yang rosak.

Sebagai contoh, bahagian bangunan yang mengguna batu bata sahaja boleh mengalami kerosakan lebih teruk berbanding bahagian yang mengguna konkrit dan tetulang besi.

Menurut Hartono lagi, jumlah bangunan rosak akibat disambar kilat di Kuala Lumpur adalah yang tertinggi di dunia.

Ini berlaku kerana penggunaan meluas rod kilat yang digunakan sebelum ini, iaitu pelepasan penjurus awal (ESE) tidak langsung melindungi bucu bangunan daripada disambar kilat.



PENDUDUK kampung memerhatikan sebahagian lembu yang mati dipercayai disambar petir di kawasan ladang kelapa sawit di Kampung Sepat, Melaka.

Hartono berkata, sejak tahun 1995, kajian bergambar yang beliau hasilkan mengenai kerosakan bangunan akibat disambar kilat di negara ini telah dijadikan asas untuk beberapa organisasi menyemak semula piawaian sistem perlindungan kilat.

Sistem piawaian tersebut

termasuk Standards Australia, Persatuan Perlindungan Kilat Kebangsaan (NFPA), IEC, National Standards of Colombia serta Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Menghuraikan lebih lanjut, Hartono berkata, sistem perlindungan kilat berdasarkan konsep, iaitu apabila

setiap kali lejang kilat (*lightning stroke*) memasuki kawasan yang perlu dilindungi, ia akan dipintas oleh sistem itu dan melencongkannya ke bumi melalui laluan yang selamat.

Beliau berkata, sistem perlindungan kilat terdiri daripada beberapa rod kilat yang diletak di lokasi yang berisiko tinggi untuk memintas lejang kilat.

Berdasarkan kajian beliau yang bermula pada 1990-an, kira-kira 90 peratus bangunan di negara ini dipasang dengan sistem perlindungan kilat yang tidak tidak menepati piawaian.

Sistem perlindungan kilat yang tidak betul terdiri daripada sistem yang ralat reka bentuknya atau mengguna rod kilat yang tidak terbukti dari segi saintifik.

Rod kilat yang tidak saintifik termasuk jenis:

- Pelepasan penjurus awal-*Early Streamer Emission (ESE)*.
- Sistem pemindahan cas-*Charge Transfer System (CTS)* atau juga dengan nama *Dissipation Array System (DAS)*.
- Penghapus kilat semikonduktor -*Semiconductor Lightning Eliminator (SLE)*.

Laporan terkini daripada Majlis Antarabangsa Sistem Eelektrik Besar (CIGRE) telah memberi asas saintifik yang kukuh mengapa rod kilat jenis ESE dan yang lain tidak boleh digunakan demi keselamatan umum.

Kajian Hartono telah di sebut sebagai bukti kukuh yang mendedahkan kegagalan rod kilat ESE.

PANAHAH petir kelihatan tepat mengenai bangunan blok D yang menempatkan beberapa kementerian di Putrajaya yang sempat di rakamkan oleh jurugambar Utusan Malaysia.



KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 4 TARIKH : 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Penggunaan ESE gagal

Terdapat 12 jenis ESE yang berasal dari pelbagai negara

BERDASARKAN kajian, satu daripada cara melindungi bangunan daripada ancaman kilat ialah penggunaan rod pelepasan penjurus awal atau *early streamer emission* (ESE). Bagaimanapun menurut pengkaji kilat tempatan Hartono Zainal Abidin kerajaan telah mengharamkan rod kilat ESE yang menggunakan isotop radioaktif pada 1989.

Pembuat rod kilat ESE telah menghasilkan rod kilat ESE yang menggunakan kaedah elektrostatik untuk mengelirukan pengguna.

Penggunaan rod kilat ESE bukan saja telah menyebabkan kerosakkan pada bangunan tetapi telah menyebabkan sekurang-kurangnya satu kematian di institusi pengajian tinggi.

Pada tahun 2012, seorang penuntut di Melaka telah disambar petir walaupun dia berada di dalam kawasan perlindungan kilat rod ESE.

Walaupun banyak bangunan disambar kilat setiap tahun, hanya segelintir sahaja yang dilaporkan dalam akhbar.

Begitu juga dengan insiden orang ramai disambar kilat. Boleh dikatakan hanya 10 peratus sahaja insiden kilat dilaporkan oleh media.

Menurut Hartono, lebih dari 12 jenama ESE di negara ini dan bilangannya sedang meningkat setiap tahun.

Kebanyakan jenama rod ESE tersebut berasal dari Eropah seperti Perancis, Sepanyol, Asia Selatan (India, Sri Lanka), Asia Timur (Taiwan, Korea) dan Australia.

"Setiap jenama ESE mempunyai satu atau lebih model rod kilat ESE," katanya.

Keadaan tersebut berlaku kerana tiada kawalan daripada segi pengimport, penjualan dan kegunaan rod kilat ESE walaupun kegunaannya tidak diiktiraf oleh Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) dan Majlis Antarabangsa Sistem Elektrik Besar (CIGRE). Kedua-dua organisasi tersebut mempunyai perwakilan di peringkat nasional di negara ini.

Sirim Berhad (Sirim) juga telah mengiktiraf piawaian perlindungan kilat IEC sebagai piawaian negara semenjak 2001.

PEMILIK perlu memikirkan cara terbaik melindungi bangunan daripada ancaman kilat.
- Gambar hiasan

Petua jika berlaku petir

UNTUK mengelak daripada disambar petir, seseorang hendaklah mempraktikkan Peraturan Keselamatan Kilat (*Lightning Safety Rule*) seperti berikut:

- Hentikan semua aktiviti luar dan cari tempat perlindungan sebaik sahaja anda melihat awan guruh gelap berkumpul di kaki langit atau di atas bukit. Kilat boleh menyerang sehingga 15 kilometer (km) dari awan kilat iaitu sebelum bermula hujan!
- Lari untuk mendapatkan perlindungan jika anda boleh mendengar guruh atau

melihat kilat. Anda sudah dalam bahaya daripada disambar kilat.

- Jangan menunggu hujan sebelum anda bertindak. Kadang-kadang, kilat berlaku sebelum bermula hujan jatuh. Jangan menggunakan payung dalam ribut petir.
- Jangan ambil perlindungan di bawah pokok atau dalam khemah, bangsal kecil, gazebo atau gerai makanan. Untuk pondok kecil, pastikan ia telah dipasang dengan sistem perlindungan kilat yang betul sebelum anda berteduh di dalamnya.

- Berlindung di dalam bangunan yang kukuh atau besar seperti kedai atau rumah di dalam kenderaan berbumbung seperti bas, van atau kereta atau di bawah struktur yang besar seperti jambatan. Jangan berlegar di luar bangunan yang besar untuk mengelakkan ditimpa serpihan berpunca daripada kerosakan akibat kilat.

- Jika tidak ada tempat perlindungan yang betul, turun dari kedudukan yang tinggi seperti atas bukit atau platform. Masuk ke mana-mana gaung atau di dalam parit yang kering.

- Rendahkan diri anda dengan bercangkung supaya tidak disambar kilat. Jangan baring di atas tanah. Jangan sentuh sesiapa atau apa-apa benda logam seperti pagar, pintu pagar dan lain-lain yang berdekatan dengan anda.

- Jika hujan, basahkan pakaian anda kerana pakaian basah membantu mengurangkan kecederaan serius apabila disambar kilat.

- Di dalam tempat perlindungan, jangan sentuh apa-apa objek logam, peralatan elektrik atau kabel. Jangan gunakan telefon kecuali jika ia adalah benar-benar mendesak. Guna telefon mudah alih jika ada. Jauhi diri daripada balkoni, beranda, pintu, tingkap, dinding atau tiang.

- Kekal di dalam tempat tinggal anda selama 30 minit selepas guruh yang terakhir didengar. Kilat boleh menyerang sehingga 15 km dari awan kilat walaupun selepas hujan telah berhenti.

- Kawasan berair biasanya tidak ada tempat berteduh dan insiden disambar kilat kadangkala berlaku di tepi pantai dan sungai. Semua aktiviti dalam atau tepi kawasan berair hendaklah dihentikan seperti peraturan di atas.

Kepercayaan berkenaan kilat munasabah

- Tiada bukti yang cermin boleh menarik atau memantulkan kilat ke dalam rumah.

- Tiada bukti yang radiasi daripada telefon bimbit boleh menarik kilat kepada peranti tersebut.

- Tiada bukti yang memakai barangan logam seperti barang kemas, jam tangan, boleh menarik kilat kepada penggunaannya.


- Tiada bukti yang memakai kasut getah boleh mengelak daripada disambar kilat.

- Tiada bukti yang komponen logam dalam bangunan, seperti tetulang keluli dalam konkrit, boleh menarik kilat dan mengakibatkan kerosakan lebih besar.

- Tiada bukti yang mengatakan pokok dan tiang lampu di tepi padang yang lebih tinggi boleh melindungi pemain bola ditengah padang.

BERSEDIA mencari perlindungan apabila kilat muncul kerana ia boleh menyambar secara tiba-tiba.

- Gambar hiasan



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Belum terima maklumat bocor jadual

PUTRAJAYA 13 April - Kerajaan masih belum menerima sebarang maklumat berhubung kebocoran dokumen tidak sah mengenai lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) ke tangan pembangkang.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, setakat ini pihaknya masih belum mendapat sebarang maklumat berhubung perkara itu dan tidak dapat mengulas lanjut berhubung kebocoran tersebut.

"Setakat ini saya tidak terima apa-apa maklumat berhubung kebocoran jadual Timbalan Perdana Menteri," katanya ringkas ketika diminta mengulas kebocoran dokumen tersebut kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sin Chee Keong pada Selasa lalu di sini hari ini.

Kedua-dua Ahli Parlimen itu mendakwa Timbalan Perdana Menteri hanya 'bekerja' tiga jam daripa-

da jumlah lima hari lawatan ke UAE berdasarkan jadual lawatan yang diperoleh mereka.



ALI HAMSA

Terdahulu, beliau bertemu dengan peserta Ironman 70.3 selepas majlis penyampaian hadiah di bangunan Perbadanan Putrajaya (PPJ) di sini hari ini. Yang turut hadir sama, Presiden PPJ, Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Mengenai sama ada kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap kakitangan yang membocorkan maklumat tersebut, Ali enggan mengulas.

Namun, beliau ketika merujuk kes berlainan berkata, tindakan tatertib termasuk pemecatan boleh diambil terhadap kakitangannya yang membocorkan rahsia kerajaan berdasarkan pekeliling keselamatan kerajaan.

"Kebocoran dalam apa jua perkara dari agensi kerajaan akan dilihat macam mana boleh berlaku. Bagaimanapun, penjelasan ini bukan berkaitan perkara ini (kebocoran maklumat jadual Timbalan Perdana Menteri).

"Semua pegawai bertanggungjawab menjaga rahsia kerajaan dan usaha berterusan akan dilakukan supaya pegawai kerajaan menyimpan rahsia tersebut," katanya.

Dalam pada itu, mengulas pengumuman acara Ironman 70.3 di sini, beliau mengucapkan tahniah kepada PPJ yang berjaya menjadikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat itu tumpuan dunia menerusi pelbagai kejohanan antarabangsa.

Katanya, acara sukan bertaraf dunia itu berjaya menarik penyertaan dari 66 negara dengan sebanyak 1,400 peserta lelaki dan wanita mengambil bahagian.

Sementara itu, peserta dari Australia, Brad Kahlefeldt berjaya mengungguli kategori lelaki dalam acara tersebut dengan mencatatkan masa tiga jam 55 minit 36 saat dengan menewaskan pencabar terdekatnya Denis Chevrot (Perancis) dan John Polson (Australia) dengan catatan masa masing-masing tiga jam 57 minit 42 saat dan empat jam enam minit 37 saat.

Bagi kategori wanita pula, peserta dari Czech, Radka Vodickova berjaya mengatasi pencabar lain dengan mencatat masa selama empat jam 23 minit sembilan saat.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NATION) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 14 APRIL 2014 (ISNIN)

'Do not leak national secrets'

PUTRAJAYA: Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa yesterday warned civil servants not to leak national secrets or face action.

Responding to calls by several quarters to probe into a leaked document related to Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's official visit to Dubai, Ali said those responsible faced termination of service.

"The action to be taken depends on the kind of secrets that were leaked," he said after a triathlon prize giving yesterday.

Two DAP members of parliament Zairil Khir Johari (Bukit Bendera) and Steven Sim Chee Keong (Bukit Mertajam) had exposed the draft itinerary of Muhyiddin's visit.

Ali said he had yet to receive any official complaint or report on the matter.

The Deputy Prime Minister's Office refuted the allegations on the working visit to Dubai from April 7 to 12. It said the leaked itinerary was a draft and was being discussed at that time.

"It's normal to have some changes in the draft for any overseas programme before it is finalised."